



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 13

23hb Jun 2016

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen-Enakmen seperti di bawah ini yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Johor pada 24 April 2016 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 16 Jun 2016 adalah diterbitkan mengikut Fasal XXXI bagi Bahagian Kedua dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895:

The following Enactments passed by the Johore Legislative Assembly on the 24 April 2016 and assented to by His Majesty the Sultan of Johore on the 16 June 2016 are published in accordance with Article XXXI of the Second Part of the Laws of the Constitution of the State of Johore 1895:

No. Enakmen <i>Enactment No.</i>	Tajuk Ringkas <i>Short Title</i>	Muka <i>Page</i>
9	Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) (Pindaan) 2016	3
9	National Parks (Johor) Corporation (Amendment) Enactment 2016	9

No. Enakmen Enactment No.	Tajuk Ringkas <i>Short Title</i>	Muka <i>Page</i>
10 اينكمن سوروهنجاي فرخدمتن كراجان نكري (قيندان) 2016	13
10	Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri (Pindaan) 2016	15
10	State Public Service Commission (Amendment) Enactment 2016	17
A43 اينكمن قريكالن تمبهن 2016	19
A43	Enakmen Perbekalan Tambahan 2016	21
A43	Supplementary Supply Enactment 2016	23

UNDANG-UNDANG NEGERI JOHOR**Enakmen 9****ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGARA (JOHOR)
(PINDAAN) 2016**

SAYA BERSETUJU,

SULTAN IBRAHIM

(MOHOR
KERAJAAN)

16 Jun 2016

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 [*Enakmen 7/1989*].

BAHAWA DENGAN INI ADALAH DIPERUNDANG-UNDANGKAN oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) (Pindaan) 2016.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Perbadanan Taman Negara (Johor) 1989 yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas tafsiran “Pegawai” tafsiran yang berikut:

‘ “pegawai polis” ertinya seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor;”.

Pindaan seksyen 5

3. Seksyen 5 Enakmen ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “seksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (1)”.

Pindaan seksyen 29

4. Subseksyen 29(1) Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “menggangu” dengan perkataan “menggangu”;
- (b) memotong perkataan “atau” di akhir perenggan (g);
- (c) menggantikan tanda noktah di akhir perenggan (h) dengan tanda koma bernoktah;
dan
- (d) memasukkan selepas perenggan (h) perenggan baru yang berikut:
 - “(i) menyebarkan, membuang atau menyebabkan minyak, bahan kimia, racun atau lain-lain toksin atau bahan-bahan buangan termasuk bahan buangan pejal yang berupaya untuk membahayakan tumbuh-tumbuhan dan/atau haiwan-haiwan dalam atau berdekatan dengan sungai-sungai, tasik-tasik dan air di dalam atau mengalir masuk dalam kawasan rizabnya;
 - (j) memasuki melalui selain pintu masuk yang telah ditetapkan atau tanpa pengetahuan persempadanan dan apabila dikehendaki menunjukkan permit kebenaran yang sah, seseorang individu tersebut gagal mengemukakan sebarang permit atau kenyataan bertulis daripada Pengarah Taman Negara (Johor); atau
 - (k) menentang, mengugut atau menghalang Pengarah Taman Negara (Johor), pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau pegawai polis yang melaksanakan tanggungjawabnya.”.

Pindaan seksyen 30

5. Seksyen 30 Enakmen ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”;

dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau pegawai polis yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) (a) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

(4) Pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1), jika orang itu enggan menyatakan nama dan alamatnya atau memberikan alamat di luar Malaysia atau mempunyai alasan yang munasabah bahawa orang itu memberikan nama atau alamat palsu atau mungkin akan melarikan diri; dan boleh menyita apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubungan dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan itu.”.

Penggantian seksyen 36

6. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 36 dengan seksyen yang berikut:

“Pendakwaan

36. Tiada pendakwaan berhubung dengan kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.”.

Pindaan seksyen 38

7. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 38 dengan seksyen yang berikut:

“Enakmen tidak mengurangkan kuasa Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kanun Keseksaan [Akta 574]

38. Enakmen ini tidak akan mengurangkan kuasa Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kanun Keseksaan [Akta 574].”.

Seksyen baru 39, 40 dan 41

8. Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen berikut—

“Kuasa penyiasatan

39. (1) Mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau pegawai polis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk mengesan dan menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, maka diisytiharkan bahawa bagi maksud Enakmen ini, mana-mana pegawai Perbadanan hendaklah mempunyai segala atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis daripada apa-apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh ditangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini dan bukan pengurangan baginya.

Kuasa untuk memasuki tanah

40. Mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau pegawai polis boleh memasuki mana-mana tanah Negeri, tanah rizab, hutan simpanan kekal, tanah pemberian hakmilik, tanah lombong tanpa suatu waran bagi maksud mencegah atau mengesan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

Mendirikan sekatan di jalan, dsb.

41. Pengarah Taman Negara (Johor) boleh, jika dia mengesyaki bahawa suatu kesalahan dilakukan di bawah Enakmen ini, memberi arahan kepada mana-mana pegawai Perbadanan untuk mendapatkan bantuan daripada polis untuk mendirikan atau menempatkan sesuatu rintangan atau sekatan jalan raya di mana-mana jalan awam atau lebuh raya atau di mana-mana tempat awam untuk tujuan menahan mana-mana pengangkut untuk diperiksa.”.

Diluluskan dalam Dewan Negeri Johor pada 24 April 2016.

SHUBANAH BINTI YUSUF
*Jurutulis Dewan Negeri
Johor*

LAWS OF THE STATE OF JOHOR**Enactment 9****NATIONAL PARKS (JOHOR) CORPORATION
(AMENDMENT) ENACTMENT 2016**

I ASSENT,

SULTAN IBRAHIM

(STATE
SEAL)

16 June 2016

An Enactment to amend the National Parks (Johor) Corporation Enactment 1989 [*Enactment No. 7/1989*].

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Johore as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the National Parks (Johor) Corporation (Amendment) Enactment 2016.

(2) This Enactment shall come into operation on a date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of section 2

2. The National Parks (Johor) Corporation Enactment 1989 which is referred to in this Enactment as the “principal Enactment” is amended in section 2 by inserting after the interpretation of “Officer” the following interpretation:

‘ “police officer” means any police officer not below the rank of Inspector;’.

Amendment of section 29

3. Subsection 29(1) of the principal Enactment is amended by–
- (a) deleting the word “or” at the end of paragraph (g);
 - (b) substituting the full stop at the end of paragraph (h) with semi colon;
- and
- (c) inserting after paragraph (h) the following paragraphs:
 - “(i) spreads, discharge or causes the discharge of oil, chemical, poison or other toxic or waste matters including solid waste capable of harming vegetation and/or animals in or adjacent to rivers, lakes and water in or flowing into a nature reserve;
 - (j) entering other than through the designated entrance or without knowledge of the boundary and when required to produce a valid permit, that person fails to produce any permit or written statement from the Director of Taman Negara; or
 - (k) resists, threatens or obstruct the Director of National Parks (Johor), any authorized officer or any police officer in the performance of their duties.”.

Amendment of section 30

4. Section 30 of the principal Enactment is amended–
- (a) in subsection (1), by deleting the words “not below the rank of Inspector”;
- and
- (b) by inserting after subsection (2) the following subsections:
 - “(3) Any authorized officer of the Corporation or any police officer making an arrest under subsection (1)(a) shall, without unnecessary delay, bring the person arrested to the nearest police station and thereafter the person shall be dealt with in accordance with the law relating to criminal procedure for the time being in force.

(4) An Authorized officer of the Corporation or police officer may arrest without warrant any person whom he has reason to believe to have committed an offence under subsection (1), if the person refuses to furnish his name and address or furnishes an address out of Malaysia or there are reasonable grounds for believing that he has furnished a false name or address or that he is likely to abscond; and may seize anything which he considers it necessary to seize in relation to the evidence necessary to establish the commission of any such offence.”.

Substitution of section 36

5. The principal Enactment is amended by substituting for section 36 the following section:

“Prosecution

36. No prosecution in relation to any offence under this Enactment shall be instituted except with the written consent of the Public Prosecutor.”.

Substitution of section 38

6. The principal Enactment is amended by substituting for section 38 the following section—

“Enactment not to derogate from the Wildlife Conservation Act 2010 [Act 716], the National Forestry Act 1984 [Act 313] and the Penal Code [Act 574]

38. Nothing in this Enactment shall derogate the provisions of the Wildlife Conservation Act 2010 [Act 716], the National Forestry Act 1984 [Act 313] and the Penal Code [Act 574].”.

New sections 39, 40 and 41

7. The principal Enactment is amended by inserting after section 38 the following new sections:

“Power of investigation

39. (1) Any authorized officer of the Corporation or police officer shall have all the powers to detect and investigate the commission of any offence or suspected offence under this Enactment.

(2) For the avoidance of doubt, it is declared that for the purpose of this Enactment, any authorized officer shall have all or any of the powers of a police officer of whatever rank in relation to police investigations in seizable cases as provided for under the Criminal Procedure Code, and such powers shall be in addition to the powers provided for under this Enactment and not in derogation thereof.

Power to enter land

40. Any authorized officer of the Corporation or police officer may enter without warrant any State land, reserved land, permanent reserved forest, alienated land and mining land for the purpose of preventing or detecting any offence under this Enactment.

Setting up roadblock on road, etc.

41. The Director of National Parks (Johor) may, if he suspects that an offence under this Enactment has been committed, give directions to any Officer to get assistance of the police to set up or place an obstruction or roadblock on any public road or highway or any public place, for the purpose of stopping any vehicle for examination.”.

Passed in the Johor Legislative Assembly on the 24 April 2016.

SHUBANAH BINTI YUSUF
Clerk of the Legislative Assembly
Johore